

29/10/2001

TMC akur dasar Malaysia lindung kereta tempatan

Fazli Abdullah

TOYOTA Motor Corporation (TMC), pengeluar kereta terbesar Jepun, menghormati pendirian Malaysia melaksanakan dasar tertentu untuk melindungi pengeluar kereta tempatan bagi kepentingan nasional.

Sambil mengakui dasar seperti itu menyekat peluang syarikat luar, Presiden TMC, Fujio Cho, berkata setiap negara mempunyai pendekatan berbeza untuk menjaga kepentingan masing-masing.

"Tindakan Perdana Menteri, (Datuk Seri) Dr Mahathir Mohamad, adalah satu keputusan yang baik dan bijak kepada Malaysia.

"Walaupun tindakan itu tidak menguntungkan kami, tetapi kami menghormati dan memahaminya kerana ia bagi kepentingan nasional (Malaysia)," katanya mengulas tindakan Malaysia mengenakan dasar tertentu seperti duti import yang tinggi ke atas kenderaan import.

Presiden syarikat pengeluar kereta ketiga terbesar dunia itu mengakui pasaran kenderaan keluaran Jepun, termasuk TMC di Malaysia masih kecil.

"Walaupun pasaran kita di Malaysia kecil, tetapi kita akan menggunakan segala peluang untuk memasarkan kenderaan kami," katanya.

Ditanya kemungkinan TMC akan menggunakan pemilikannya dalam Daihatsu Motor Ltd (Daihatsu) untuk menguasai pasaran kereta di Malaysia, beliau menolak tanggapan itu.

Katanya, kerjasama Daihatsu dengan Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua) wujud sebelum penguasaan TMC ke atas syarikat itu.

"Kita tidak bercadang mencuri pasaran kenderaan di Malaysia melalui Daihatsu," katanya.

Daihatsu yang memiliki sebahagian kepentingan dalam Perodua adalah anak syarikat TMC. Penguasaan TMC ke atas Daihatsu membolehkan TMC muncul syarikat pengeluar kereta ketiga terbesar di dunia selepas General Motor dan Ford.

Sempena Tokyo Motor Show ke-35, Toyota mempamerkan 85 kenderaan termasuk 29 kereta konsep. Tidak ketinggalan Toyota Formula 1 yang sedang diuji. Toyota F1 akan mengambil bahagian buat pertama kali dalam kejohanan perlumbaan dunia, F1 tahun depan.

Pameran dua tahun sekali di Makahuri Messe, Chiba, Tokyo, itu disertai 273 syarikat dari lapan negara termasuk Amerika Syarikat.

(END)